# MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
# BANDARAYA PELANCONGAN

# PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH

# PK(O).MPLBP.KEJ.01

| | DISEDIAKAN OLEH : | DILULUSKAN OLEH : |
|---|---|---|
| TANDATANGAN | | |
| JAWATAN | JURUTERA | WAKIL PENGURUSAN |
| TARIKH | 1 APRIL 2018 | 1 APRIL 2018 |

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan menyediakan garis panduan bagi memastikan proses permohonan kelulusan Pelan Kerja Tanah dilaksanakan dengan terancang, cekap dan sistematik sehingga mencapai kelulusan dalam tempoh 57 hari.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh warga kerja Jabatan Kejuruteraan **MPLBP** semasa mengendalikan proses permohonan kelulusan pelan kerja tanah dikeluarkan.

## 3.0 RUJUKAN

**3.1** Manual Kualiti MS ISO 9001:2015

**3.2** Akta Kerajaan Tempatan 1976 ( Akta 171 )

**3.3** Akta Jalan, Parit daN Bangunan 1974 ( Akta 133 )

**3.4** Undang-Undang Kecil Kerja Tanah ( Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah ) 2016

**3.5** OSC 3.0 (Manual Agensi)

## 4.0 DEFINISI

### 4.1 PEMOHON

Jurutera Perunding yang didaftarkan sebagai Jurutera Profesionaldi bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 yang dilantik oleh tuan tanah / pemaju.

### 4.2 JABATAN TEKNIKAL

Jabatan-jabatan yang memberi ulasan-ulasan untuk sesuatu perancangan mengikut kesesuaian projek masing-masing (terlibat dalam pemberian kelulusan pelan kerja tanah).

### 4.3 KERTA TANAH

Termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan termasuk menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau menganggu mana-mana tanah.

Undang-Undang Kecil Kerja Tanah ( Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah ) 2016

## 5.0 SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| MPLBP | - | Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan YDP - Yang DiPertua |
| KJ | - | Ketua Jabatan |
| KB | - | Ketua Bahagian |
| PJT | - | Penolong Jurutera |
| PA | - | Pembantu Am |
| OSC | - | Unit Pusat Setempat |

## 6.0 PROSES KERJA

| TANGGUNGJAWAB | NO. | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **A** | **PENERIMAAN PEMOHONAN** |
| PA | 1 | Terima permohonan lengkap daripada Unit Pusat Setempat (OSC). |
| | 2 | Cop terima permohonan. |
| | 3 | Serah permohonan kepada KJ untuk semakan dan pengesahan. |
| | 4 | Daftar permohonan di dalam **Buku Daftar Fail ( MPLBP / KEJ ) Daftar Permohonan.** |
| KJ | 5 | Memberi pengesahan permohonan untuk di daftar. |
| PA | 6 | Buka fail permohonan pelan kerja tanah. |
| | **B** | **LAWATAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN TAPAK** |
| KJ | 7 | Memberi arahan untuk lawatan dan penyediaan laporan tapak |
| KB/PJT | 8 | Membuat lawatan tapak dan menyediakan Laporan Tapak Pelan Kerja Tanah, berdasarkan keperluan teknikal kerja tanah dengan mengambikira ulasan daripada jabatan-jabatan berikut:<br>a) Jabatan Alam Sekitar (JAS)<br>**b)** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Rujuk:<br>**PK(O).MPLBP.KEJ.01(L1)** |
| J1 | 9 | Semak Laporan Tapak Pelan Kerja Tanah untuk penyediaan Kertas Perakuan. |
| KJ | 10 | Pengesahan laporan tapak dan ulasan pada kertas kerja. |

| TANGGUNGJAWAB | NO. | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | C | **PENYEDIAAN KERTAS PERAKUAN** |
| KB/PJT | 11 | Menyediakan Kertas Perakuan Permohonan Pelan Kerja Tanah.<br>Rujuk : **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L2)** |
| | 12 | Serahkan kertas perakuan kepada OSC untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC. |
| | D | **MESYUARAT JAWATANKUASA OSC** |
| KJ | 13 | Bentang kertas perakuan permohonan kelulusan pelan kerja tanah dalam Mesyuarat Jawatankuasa<br>OSC untuk mendapatkan keputusan. |
| KB/PJT | 14 | Sekiranya permohonan **LULUS BERSYARAT**,<br>i. Semua ulasan teknikal dan kelulusan rasmi Kebenaran Merancang perlu diterima secara bertulis sebelum kelulusan dikeluarkan;<br>ii. Memo akan dikeluarkan kepada Unit OSC sekiranya ulasan belum diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). |
| KJ/KB/PJT | 15 | Sekiranya permohonan **DITOLAK** atau **DITANGGUH,**<br>i. Unit OSC akan mengeluarkan surat pemakluman kepada permohonan dan sebab-sebab akan dinyatakan bersama. |

| TANGGUNGJAWAB | NO. | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | E | **SURAT KELULUSAN** |
| KJ/KB/PJT | 16 | Sediakan **surat kelulusan dan pelan-pelan** yang perlu di tandatangani oleh YDP beserta syarat- syarat yang telahdiputuskan dalam Menyuarat Jawatankuasa OSC.<br>Rujuk: **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L3)** |
| KB/PJT | 17 | Rekodkan permohonan yang telah diluluskan ke dalam **Buku Daftar Kelulusan Pelan Jalan & Parit dan Pelan Kerja Tanah.** |
| | 18 | Simpan surat kelulusan dan pelan kerja tanah ke dalam fail individu. |
| | 19 | Serahkan sesalinan kepada unit OSC. |
| | 20 | Kemaskinikan fail. |

## 7.0 REKOD KUALITI

| BIL | REKOD | LOKASI / TANGGUNGJAWAB | TEMPOH SIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 7.1 | Buku Daftar Fail ( MPLBP/KEJ) Daftar Permohonan | KEJ / PM | 7 Tahun |
| 7.2 | Buku Daftar Kelulusan Pelan Jalan & Parit dan Pelan Kerja Tanah. | KEJ / KB / PJT | 7 Tahun |
| 7.3 | Rekod di atas Kertas Minit | KEJ / KB / PJT | 7 Tahun |
| 7.4 | Pelan Kerja Tanah yang diluluskan | KEJ / KB / PJT | 7 Tahun |
| 7.5 | Surat Kelulusan | KEJ / KB / PJT | 7 Tahun |

## 8.0 LAMPIRAN

| BIL | LAMPIRAN | PERKARA |
|---|---|---|
| 8.1 | PK(O).MPLBP.KEJ.01(L1) | Laporan Tapak Pelan Kerja Tanah |
| 8.2 | PK(O).MPLBP.KEJ.01(L2) | Kertas Perakuan Permohonan Pelan Kerja Tanah |
| 8.3 | PK(O).MPLBP.KEJ.01(L3) | Surat Kelulusan Pelan Kerja Tanah |

**Laporan Tapak Pelan Kerja Tanah** **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L1)**

Pin.00/18

**LAPORAN TAPAK PELAN KERJA TANAH** | **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L1)**

PERKARA :

ARAHAN :

PEGAWAI TERLIBAT :

SKOP KERJA :

TARIKH :

MUKIM :

LOKASI :

GUNATANAH SEMASA :

ULASAN :

Disediakan oleh :

..................

Disemak/ Disahkan oleh :

...........................

*Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan*

**Kertas Perakuan Permohonan Pelan Kerja Tanah** **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L2)**

PK(O).MPLBP.KEJ.01(L2)



**MESYUARAT JAWATANKUASA**
**PUSAT SETEMPAT ( OSC ) KALI KE 9/2014**
**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI**
**BANDARAYA PELANCONGAN**
**PADA :**

**AGENDA :**

**1.0 PERKARA**

**PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH BAGI CADANGAN MEMBINA 19 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT 297, ( HSM. 772 ), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**
**UNTUK : TETUAN LOW POO IENG.**
**- Kelulusan Pelan Kerja Tanah.**

**2.0 ARKITEK / PELUKIS PELAN / JURUTERA PERUDING**

HAJARA CONSULTANT SDN. BHD.
NO. 149, TINGKAT 2, KOMPLEKS ALOR SETAR,
LEBUHRAYA DARUL AMAN
05100 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN.

**3.0 PEMILIK BANGUNAN / PEMAJU**

TETUAN LOW POO IENG
LOT 116, PEKAN BARU
07100 PADANG MATSIRAT
LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.

**4.0 NO. FAIL**

MPLBP / K / KT / 3 /14

**5.0 NO. PELAN**

HCSB/2014/(LG)LOT. PT 297/EW - 01
HCSB/2014/(LG)LOT. PT 297/EW - 02

**6.0 KETERANGAN MENGENAI TANAH**

**6.1 NO. LOT** : PT 297

**6.2 TARIKH TERIMA PERMOHONAN** : 10 APRIL 2014.

**7.0 TUJUAN KERTAS KERJA**

Permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah bagi Tetuan Low Poo Ieng.

**8.0 LOKASI**

Bersebelahan Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra, Padang Matsirat.

**9.0 KELULUSAN YANG TELAH DIPEROLEHI**

Kelulusan Kebenaran Merancang MPLBP/OSC/KM/4/2013 bertarikh 28 Ogos 2013.

**10.0 ULASAN JABATAN TEKNIKAL**

**10.1 Jabatan Alam Sekitar Cawangan Langkawi**
**Rujukan : AS(LKW)(B)50/012/102/007 Jilid 42 ( 14 )**
**Tarikh : 24 April 2014.**

---

10.1.1 Berdasarkan maklumat yang dikemukakan, Jabatan ini tiada halangan ke atas cadangan di atas. Walau bagaimanapun, perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira dalam pembangunan tersebut :-

a) Pelan kerja tanah ini hendaklah selaras dengan keperluan undang-undang kecil kerja tanah yang dilaksanakan di peringkat Majlis Perbandaran / Daerah.

b) Masalah pencemaran habuk dari tapak projek semasa kerja-kerja tanah dan pembinaan dijalankan hendaklah dikawal sepenuhnya.

c) Sebarang pelepasan air dari kolam perangkap mendap ke mana-mana alur air tidak boleh mengandungi jumlah pepejal terampai melebihi 150 mg/l.

d) Tayar-tayar lori dan jentera berat hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum dibenarkan keluar dari tapak projek ke jalanraya utama. Air basuhan cucian tayar kenderaan hendaklah ditakung bagi mengelakkan kelodak-kelodak dilepaskan ke alurair yang berdekatan.

e) **Pembakaran Terbuka** sisa-sisa tumbuhan dan bahan-bahan buangan kerja tanah adalah dilarang sama sekali.

f) Paras Bunyi Bising di sempadan premis mestilah dikawal supaya tidak melebihi 65 dBA pada waktu siang dan tidak melebihi 55 dBA pada waktu malam.

g) Pembangunan yang melibatkan kerja-kerja tanah "Cut And Fill" hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

h) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pencemaran dan kacau ganggu akibat aktiviti yang dijalankan di tapak ini.

**10.2 Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi**
**Rujukan : Bil( 7 )dlm. JPS.L/SB 4/C – 132/13.**
**Tarikh : 18 Mei 2014.**

---

10.2.1 Jabatan ini pada dasarnya tiada ketegahan ke atas permohonan berkenaan dengan syarat-syarat seperti berikut :-

i) Pemohon dikehendaki membina dan menyiapkan sistem saliran dan struktur-struktur berkaitan terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang kerja.

ii) Pemohon perlu mengemukakan pelan rekabentuk terperinci kolam mendapan ke jabatan ini untuk semakan dan kelulusan.

iii) Pemohon juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan sistem sementara seperti perangkap kelodak, parit perimeter, kolam mendapan termasuk saluran keluar utama dan kualiti airnya.

iv) Pemohon juga hendaklah memastikan semua struktur yang dibina dapat berfungsi dengan sempurna terutama apabila musim hujan.

v) Semua cerun tanah terdedah (exposed earth slope) hendaklah ditanam rumput berapat-rapat (closed turf) dan semua tanah lapang hendaklah ditanam rumput bertapak-tapak (spot turfing) sebaik sahaja kerja tanah siap dijalankan.

vi) Pemaju hendaklah memastikan aktiviti-aktiviti kerja tanah tidak mengganggu keselesaan penduduk lot-lot berhampiran.

vii) Kolam kawalan enapan hanya boleh dibuang apabila perlaksanaan pembangunan mencapai kemajuan 95%.

ix) Sekiranya keseluruhan kerja tanah hendak dilaksanakan, kerja-kerja pengawalan hakisan tanah seperti penanaman rumput hendaklah dijalankan serta merta.

x) Pihak pemohon dikehendaki memaklumkan ke jabatan ini apabila kerja-kerja tanah hendak dilaksanakan. Jabatan ini akan menjalankan pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan syarat-syarat jabatan ini dipatuhi oleh pemaju sehingga projek tersebut disiapkan.

xi) Jurutera Perunding juga hendaklah bertanggungjawab di atas perakuan yang diberi di dalam senarai semak "Annex C" yang dikemukakan ke jabatan ini.

## 11.0 ULASAN PIHAK MAJLIS

11.1 Pemaju hendaklah menyediakan basin basuh tayar lori. Lori-lori dari tapak mestilah melalui basin basuh tayar lori sebelum mereka dibenarkan keluar.

11.2 Longkang-longkang tanah mestilah direka bagi menampung aliran hujan. Aliran hujan mestilah disalirkan ke kolam perangkap enap sementara untuk mengelakakn enapan atau lumpur mengotori longkang-longkang awam dan sungai.

11.3 'Construction Sheet' atau air binaan mestilah disediakan untuk mengawasi habuk-habuk tanah merebak di kawasan sekitar. Air mestilah disembur pada musim kering.

11.4 "Plastic Sheet" juga mestilah di gunakan ke atas tanah-tanah yang belum di tanam rumput.

11.5 Cerun pemotongan tanah mestilah tidak melebihi nisbah 1:1. untuk timbusan tanah, nisbah cerunnya mestilah tidak melebihi 1:15 tingginya cerun mestilah tidak melebihi 3 meter dan selebar1.8 meter mestilah disediakan.

11.6 Lapisan timbunan tanah mestilah dijalankan dengan pemempatan tidak melebihi 300mm tebal. Berat 'roller' yang digunakan mestilah sekurang-kurangnya 8 tan.

11.7 Lapisan timbunan tanah mestilah tidak mendatangkan pencemaran atau kacau ganggu kepada kawasan sekitar.

11.8 "Loose Crusher Run" hendaklah di letakkan di laluan masuk / keluar dari tapak basuh tayar hingga ke jalan awam.

11.9 Aliran cadangan pembinaan saliran hendaklah selaras dengan keperluan dan garis panduan PBT /JPS.

11.10 Pengiraan-pengiraan yang menunjukan keupayaan parit sementara, kolam mendapan dan perangkap sampah mestilah mengikut MASMA.

11.11 Semua masalah yang timbul akibat dari kerja-kerja yang dijalankan adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk mengatasinya dengan kos yang ditanggung oleh pemaju sendiri. Pihak Majlis tidak terikat untuk menyelesaikan masalah yang timbul akibat dari kerja-kerja yang dijalankan.

**12.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN.**

12.1 Pada dasarnya permohonan ini disokong untuk kelulusan pelan kerja tanah dengan mematuhi syarat-syarat jabatan teknikal seperti yang disyaratkan.

12.2 Pohon pertimbangan jawatankuasa selanjutnya.

**13.0 KEPUTUSAN JAWATAN KUASA**

**Surat Kelulusan Pelan Kerja Tanah** **PK(O).MPLBP.KEJ.01(L3)**

PK(O). MPLBP. KEJ. 01(L 3)

SALINAN PEJABAT


مجليس ڤربندارن لڠكاوي بندراي ڤلنچوڠن

**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI**
**BANDARAYA PELANCONGAN**
KUAH, 07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN

QUALITY SYSTEM SIRIM
STANDARDS MALAYSIA
MS ISO/IEC GUIDE 62 1999 QS 0212199 CB01
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO.: MY-AR 4723

Tel: 04-9666 590, 04-966 6185, 04-967 1824, 04-967 1524 Fax: 04-967 1773, 04-966 6158
http://www.mplbp.gov.my email:ydp@mplbp.gov.my


**"KEDAH AMAN MAKMUR • BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"**

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: Bil (8) MPLBP/K/KT/3/14
Tarikh: [illegible]

Hajara Consultant Sdn. Bhd.
No. 149, Tingkat 2, Kompleks Alor Setar
Lebuhraya Darul Aman
05100 Alor Setar
Kedah Darul Aman.

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN PELAN KERJA TANAH BAGI CADANGAN MEMBINA 19 UNIT KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT PT 297, ( HSM. 772 ), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**
**UNTUK : TETUAN LOW POO IENG.**
**- Kelulusan Pelan Kerja Tanah.**

---

Merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa bersetuju memberi kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Setempat ( OSC ) kali ke 9/2014 pada 05 Jun 2014 tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut :-

2.1 Kerja tanah yang dibenarkan mestilah mengikut pelan yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan sahaja mengikut rujukan pelan : HCSB/2014/(LG)LOT. PT 297/EW-01 & HCSB/2014/(LG)LOT. PT 297/EW-02.

2.2 Pelan kerja tanah ini hendaklah selaras dengan keperluan undang-undang kecil kerja tanah yang dilaksanakan di peringkat Majlis Perbandaran / Daerah.

2.3 Masalah pencemaran habuk dari tapak projek semasa kerja-kerja tanah dan pembinaan dijalankan hendaklah dikawal sepenuhnya.

...2/

Bil ( 8 )MPLBP/K/KT/3/14

2.4 Sebarang pelepasan air dari kolam perangkap mendap ke mana-mana alur air tidak boleh mengandungi jumlah pepejal terampai melebihi 150 mg/l.

2.5 Tayar-tayar lori dan jentera berat hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum dibenarkan keluar dari tapak projek ke jalanraya utama. Air basuhan cucian tayar kenderaan hendaklah ditakung bagi mengelakkan kelodak-kelodak dilepaskan ke alurair yang berdekatan.

2.6 **Pembakaran Terbuka** sisa-sisa tumbuhan dan bahan-bahan buangan kerja tanah adalah dilarang sama sekali.

2.7 Paras Bunyi Bising di sempadan premis mestilah dikawal supaya tidak melebihi 65 dBA pada waktu siang dan tidak melebihi 55 dBA pada waktu malam.

2.8 Pembangunan yang melibatkan kerja-kerja tanah "Cut And Fill" hendaklah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

2.9 Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pencemaran dan kacau ganggu akibat aktiviti yang dijalankan di tapak ini.

2.10 Pemohon dikehendaki membina dan menyiapkan sistem saliran dan struktur-struktur berkaitan terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang kerja.

2.11 Pemohon perlu mengemukakan pelan rekabentuk terperinci kolam mendapan ke jabatan ini untuk semakan dan kelulusan.

2.12 Pemohon juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penyelenggaraan sistem sementara seperti perangkap kelodak, parit perimeter, kolam mendapan termasuk saluran keluar utama dan kualiti airnya.

2.13 Pemohon juga hendaklah memastikan semua struktur yang dibina dapat berfungsi dengan sempurna terutama apabila musim hujan.

2.14 Semua cerun tanah terdedah (exposed earth slope) hendaklah ditanam rumput berapat-rapat (closed turf) dan semua tanah lapang hendaklah ditanam rumput bertapak-tapak (spot turfing) sebaik sahaja kerja tanah siap dijalankan.

...3/

Bil ( 9 )MPLBP/K/KT/3/14

2.15 Pemaju hendaklah memastikan aktiviti-aktiviti kerja tanah tidak mengganggu keselesaan penduduk lot-lot berhampiran.

2.16 Kolam kawalan enapan hanya boleh dibuang apabila perlaksanaan pembangunan mencapai kemajuan 95%.

2.17 Sekiranya keseluruhan kerja tanah hendak dilaksanakan, kerja-kerja pengawalan hakisan tanah seperti penanaman rumput hendaklah dijalankan serta merta.

2.18 Pihak pemohon dikehendaki memaklumkan ke jabatan ini apabila kerja- kerja tanah hendak dilaksanakan. Jabatan ini akan menjalankan pemantauan dari masa ke semasa untuk memastikan syarat-syarat jabatan ini dipatuhi oleh pemaju sehingga projek tersebut disiapkan.

2.19 Jurutera Perunding juga hendaklah bertanggungjawab di atas perakuan yang diberi di dalam senarai semak "Annex C" yang dikemukakan ke jabatan ini.

2.20 Pemaju hendaklah menyediakan basin basuh tayar lori. Lori-lori dari tapak mestilah melalui basin basuh tayar lori sebelum mereka dibenarkan keluar.

2.21 Longkang-longkang tanah mestilah direka bagi menampung aliran hujan. Aliran hujan mestilah disalirkan ke kolam perangkap enap sementara untuk mengelakkan enapan atau lumpur mengotori longkang-longkang awam dan sungai.

2.22 'Construction Sheet' atau air binaan mestilah disediakan untuk mengawasi habuk-habuk tanah merebak di kawasan sekitar. Air mestilah disembur pada musim kering.

2.23 "Plastic Sheet" juga mestilah di gunakan ke atas tanah-tanah yang belum di tanam rumput.

2.24 Cerun pemotongan tanah mestilah tidak melebihi nisbah 1:1. untuk timbusan tanah, nisbah cerunnya mestilah tidak melebihi 1:15 tingginya cerun mestilah tidak melebihi 3 meter dan selebar1.8 meter mestilah disediakan.

...4/

- 4 -

Bil ( 8 )MPLBP/K/KT/3/14

2.25 Lapisan timbunan tanah mestilah dijalankan dengan pemempatan tidak melebihi 300mm tebal. Berat 'roller' yang digunakan mestilah sekurang-kurangnya 8 tan.

2.26 Lapisan timbunan tanah mestilah tidak mendatangkan pencemaran atau kacau ganggu kepada kawasan sekitar.

2.27 "Laose Crusher Run" hendaklah di letakkan di laluan masuk / keluar dari tapak basuh tayar hingga ke jalan awam.

2.28 Aliran cadangan pembinaan saliran hendaklah selaras dengan keperluan dan garis panduan PBT /JPS.

2.29 Pengiraan-pengiraan yang menunjukan keupayaan parit sementara, kolam mendapan dan perangkap sampah mestilah mengikut MASMA.

2.30 Semua masalah yang timbul akibat dari kerja-kerja yang dijalankan adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk mengatasinya dengan kos yang ditanggung oleh pemaju sendiri. Pihak Majlis tidak terikat untuk menyelesaikan masalah yang timbul akibat dari kerja-kerja yang dijalankan.

3. Bersama-sama ini disertakan satu salinan pelan yang telah diluluskan untuk simpanan pihak tuan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**( MOHD. FISOL BIN MD. NOH, AMK., BCK )**
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

22/3/14

...5/

Bil ( 8 )MPLBP/K/KT/3/14

s.k. i) Tetuan Low Poo Ieng
Lot 116, Pekan Baru
07100 Langkawi
Mukim Padang Matsirat
Kedah Draul Aman.

ii) Ketua Unit OSC
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.

MFM/Kelulusan Pelan Kerja Tanah MPLBP/K/KT/3/14/ani